

Media asing kecewa Malaysia kekal aman

Mn.M. - 8 AUG 1993

(P)

KUALA LUMPUR 7 Ogos — Media asing yang dikuasai oleh kepentingan Barat kecewa kerana Malaysia dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan, tidak seperti yang berlaku di kebanyakan negara berbilang kaum yang lain di dunia, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan media asing tidak suka melihat kaum-kaum yang berlainan di Malaysia bersatu padu dan jika boleh mereka mahu negara ini dilanda rusuhan kaum supaya pembangunannya terjejas.

Kata Dr. Mahathir, dengan menjadikan Malaysia berpecah-belah, media asing akan dapat memuaskan keangkuhan nafsu mereka yang sentiasa menganggap diri mereka *superior*.

"Mereka suka memberi nasihat berkenaan segala-galanya, seolah-olah mereka tahu tentang apa sahaja, sedangkan di negara sendiri, mereka tidak lebih mampu mentadbir daripada kita," katanya.

Dr. Mahathir yang berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-40 di sini pagi ini berkata, orang-orang Barat yang menguasai media asing mempunyai sikap mer-

kauman yang lebih ekstrim dan tidak bertolak ansur.

"Mereka lupa semasa mereka menjajah kita dahulu, mereka mengamalkan *white superiority* dengan begitu angkuh tetapi sekarang mereka cuba berlagak sebagai orang yang begitu bebas daripada perasaan perkauman dan cuba mengajar kita.

• Sikap perkauman

"Kepada mereka, kita katakan lihat diri anda dahulu. Anda adalah kurang sempurna berbanding kami. Dalam banyak keadaan, anda masih mengamalkan sikap gerkauman yang tebal," tegas Dr. Mahathir.

Sebanyak 2,000 perwakilan MIC menghadiri perhimpunan agung MIC kali ini. Turut hadir sebagai tetamu khas ialah Presiden MCA, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik dan Presiden Gerakan, Dato' Sri Dr. Lim Keng Yaik.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, media-media Barat suka mengkritik orang lain tetapi mereka tidak dawat menerima hakikat bahawa mereka juga boleh dikritik.

"Tetapi apabila saya menda-

pat sambutan gemuruh sebagai Pengerusi Barisan Nasional di mesyuarat agung MCA baru-baru ini, kebanyakan media asing membuat komen saya hadir untuk mengesahkan pemimpin MCA.

"Mereka tahu dengan komen ini, mereka memberi peluru kepada partilawan dan orang Cina bagi menyerang MCA. Dengan ini mereka berharap perpaduan parti dan perpaduan kaum dalam BN akan terjejas," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri dalam ucapannya memberi jaminan kerajaan tidak akan menggetepikan mana-mana kaum daripada memperolehi peluang dan faedah proses pembangunan.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir tidak mahu mereka terlalu berharap kepada kerajaan sebaliknya perlu bekerja keras merebut peluang yang wujud.

"Kerajaan yakin *economic cake* yang kita wujudkan adalah cukup besar untuk dibahagi-bahagikan kepada semua kaum di negara ini," katanya.